MAMAT YAN

lwn.

PENOLONG PENTADBIR TANAH, PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN KOTA BHARU & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KOTA BHARU
SULAIMAN DAUD H
[USUL PEMULA NO: 25-5-2003]
6 MEI 2004

UNDANG-UNDANG TANAH: *Isemen - Hak lalu-lalang - Permohonan dari plaintif untuk mengetepikan perintah Penolong Pentadbir Tanah yang mewujudkan hak lalu-lalang persendirian ke atas tanah plaintif - Sama ada notis siasatan disampaikan kepada plaintif - Sama ada notis borang 2A cacat - Sama ada hak lalu-lalang tersebut diwujudkan dengan sewenang-wenangnya - Sama ada segala aspek prosedur relevan di bawah Kanun Tanah Negara dipenuhi - Kanun Tanah Negara, ss. 27, 390, 433*

Ini adalah permohonan/rayuan plaintif bagi mengetepikan perintah responden pertama yang mewujudkan hak lalu-lalang persendirian ke atas tanah plaintif ('tanah tersebut') dan selanjutnya untuk mengekalkan kedudukan *status quo* ke atas tanah tersebut. Plaintif mengadu bahawa: (a) keputusan responden pertama adalah tidak sah dan terbatal; (b) responden pertama tidak menjalankan kuasa yang sah di bawah s. 390 Kanun Tanah Negara ('Kanun'); (c) responden pertama bertindak *'ultra vires'* dan di luar bidangkuasa dalam menjalankan siasatan dan membuat perintah yang dipersoalkan; dan (d) responden pertama tidak mengambil kira keadaan yang patut diambil kira dalam membuat perintah yang dipersoalkan.

Plaintif memberikan dua sebab kenapa perintah yang dipersoalkan itu tidak sah dan terbatal, iaitu: (i) plaintiff tidak diserahkan dengan notis siasatan untuk membolehkannya hadir dan diberi hak untuk didengar; dan (ii) terdapat kegagalan di pihak responden pertama untuk mengeluarkan notis borang 2A yang sempurna mengikut kehendak s. 27 Kanun bagi maksud siasatan yang diadakan. Berkaitan dengan (ii), plaintif menghujjah bahawa notis borang 2A adalah cacat atas dua sebab, pertamanya notis tersebut adalah mengelirukan kerana terdapat catatan 'serahan gantian di bawah s. 432(1)(a)(b)' pada notis tersebut, dan keduanya, notis tambahan pada borang 2A tersebut tidak lengkap kerana tidak ditarikh dan tidak ditandatangani oleh responden. Selain daripada itu, plaintif juga menegaskan bahawa penyiaran notis borang 2A tersebut juga tidak menepati kehendak s. 433 Kanun.

Diputuskan (menolakkan rayuan):

[1] Afidavit jawapan responden jelas menunjukkan notis siasatan telah berkali-kali disampaikan kepada plaintif. Bukti penyampaian notis tersebut juga menunjukkan bahawa notis pertama dan ketiga telah diterima oleh isteri dan menantu plaintif masing-masingnya, manakala notis kedua, keempat dan kelima telah diterima oleh plaintif sendiri, dan alamat bagi penyampaian kelima-lima notis tersebut adalah sama. Walaupun plaintif tidak boleh membaca dan menulis, tandatangan yang diturunkan oleh plaintif pada 'bukti penyampaian' hanya merupakan satu 'cakar ayam' yang boleh dilakukan dengan mudah oleh seseorang yang tidak tahu menulis. Plaintif hanya membuat penafian semata-semata tanpa memberi apa-apa alasan yang boleh diterima bagi menjelaskan kenapa notis tersebut tidak diserahkan kepadanya di alamat penyampaiannya. (ms 122 d-g)

[2] Notis tambahan tersebut dilampirkan bersama dan menjadi sebahagian daripada notis siasatan dalam borang 2A yang telah ditarikh dan ditandatangani dengan sempurnanya oleh responden pertama. Oleh itu, ketinggalan untuk meletakkan tarikh dan mendatangani notis tambahan itu sekali lagi tidak akan memprejudiskan pemohon atau menyebabkan ketidakadilan hingga boleh mentaksahkan kesuluruhan notis borang 2A tersebut. (ms 123 g)

[2a] Mengenai penyiaran notis borang 2A di bawah s. 27 Kanun, s. 433 Kanun adalah tidak terpakai bagi penyiaran sedemikian. Seksyen 27 Kanun memberikan kepada pentadbir tanah budibicara untuk menyiarkan notis borang 2A tersebut mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut; oleh itu, penyiarannya dalam Warta Kerajaan Negeri Kelantan menepati kehendak seksyen itu. Notis tersebut tidaklah cacat hanya sebab ia mengandungi perkataan-perkataan 'serahan gantian di bawah s. 432(1)(a)(b)' kerana tujuan dan maksud notis itu adalah jelas dan tidak mengelirukan. (ms 124 a-c)

[3] Hak lalu-lalang tersebut tidak diwujudkan dengan sewenang-wenangnya oleh responden pertama kerana ternyata bahawa beliau telah mengambil kira tiadanya laluan lain untuk keluar masuk ke lot 590 – tanah yang bersempadan dengan tanah tersebut – sebelum membuat perintah yang dipersoalkan ini. Penegasan oleh plaintif tentang terdapatnya laluan lain ke tanah berkenaan tidak disokong oleh apa-apa butiran matan. Perintah yang dipersoalkan ini telah menepati kehendak s. 390(4) Kanun kerana hak lalu-lalang tersebut boleh dikenalpasti dengan mudah melalui pelan

yang disediakan bagi maksud itu dan dilampirkan bersama-sama perintah tersebut. Tujuan hak lalu-lalang itu diwujudkan juga jelas, iaitu untuk membolehkan pemohon hak lalu-lalang tersebut untuk keluar masuk ke tanahnya. (ms 125 e-f, h)

[4] Setelah mengambil kira bahawa responden pertama telah memenuhi segala aspek prosedur yang dikehendaki di bawah Kanun, maka tidak ada apa-apa sebab bagi mengetepikan perintah yang dipersoalkan yang telah dibuat dengan sah dan berpatutan. (ms 126 a)

Kes-kes yang dirujuk:

Lye Thean Soo & Ors v. Syarikat Warsaw [1990] 2 CLJ 743; [1990] 1 CLJ (Rep) 160) ***(refd)***

Si Rusa Inn Sdn Bhd & Ors v. Collector of Land Revenue, Port Dickson & Ors [1986] 1 CLJ 584; [1986] CLJ (Rep) 673 HC ***(refd)***

Tong Tiong Lim v. Pentadbir Tanah Daerah, Johore Bharu [1996] 1 CLJ 387 CA ***(refd)***

Perundangan yang dirujuk:

National Land Code, ss. 27(a), 388, 390(4), 432(1)(a), (b), 433

Bagi pihak plaintif/pemohon - Wan Jawahir Harun; T/n Wan Jawahir & Co
Bagi pihak defendan/responden - Mohd Nawawi FC

Dilaporkan oleh Suresh Nathan

Sulaiman Daud H:

Ini adalah permohonan/rayuan plaintif bagi mengetepikan perintah Penolong Pentadbir Tanah, Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu, (responden pertama), bertarikh 29 Oktober 2002 yang mewujudkan hak lalu lalang persendirian ke atas tanah plaintif/pemohon (plaintif) dan selanjutnya untuk mengekalkan kedudukan *status quo* ke atas tanah tersebut.

Permohonan ini disokong oleh afidavit yang diikrarkan oleh plaintif sendiri pada 6 Mac 2003 dan 24 Ogos 2003 (kandungan 2 dan 9 masing-masingnya), dan ditentang oleh responden melalui afidavit Abdullah bin Md Yusof yang diikrarkan pada 22 Mei 2003 (kandungan 6).

Adalah tidak dipertikaikan bahawa plaintif adalah tuan punya berdaftar tanah yang dimaksudkan oleh hak lalu lalang yang dipersoalkan, iaitu Lot 2587, GM 264, Mukim Wakaf Stan, Daerah Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan ("tanah tersebut"). Permohonan plaintif bagi mengetepikan hak lalu lalang tersebut adalah berasaskan kepada alasan- alasan yang berikut, iaitu:

(a) keputusan Penolong Pentadbir Tanah tersebut adalah tidak sah dan terbatal;

(b) Penolong Pentadbir Tanah tersebut tidak menjalankan kuasa yang sah di bawah s. 390 Kanun Tanah Negara ("Kanun");

(c) Penolong Pentadbir Tanah tersebut bertindak *'ultra vires'* dan di luar bidang kuasa dalam menjalankan siasatan dan membuat perintah yang dipersoalkan.

(d) Penolong Pentadbir Tanah tersebut tidak mengambil kira keadaan yang patut diambil kira dalam membuat perintah yang dipersoalkan.

Daripada alasan-alasan tersebut di atas, adalah diperhatikan permohonan ini lebih menekankan kepada ketidakteraturan dan ketidaksahan perintah tersebut daripada merit keputusan Pentadbir Tanah dalam mewujudkan hak lalu lalang itu sendiri. Oleh itu saya dapati sesuai untuk terlebih dahulu menyentuh persoalan mengenai prosedur sebagaimana yang dibangkitkan. Dalam hal ini peguam terpelajar plaintif memberikan dua sebab kenapa perintah yang dipersoalkan itu tidak sah dan terbatal. Pertamanya plaintif tidak diserahkan dengan notis siasatan untuk membolehkannya hadir dan diberi hak untuk didengar, dan keduanya terdapat kegagalan di pihak responden pertama untuk mengeluarkan notis yang sempurna mengikut kehendak s. 27 Kanun bagi maksud siasatan yang diadakan.

Mengenai penyerahan notis siasatan tersebut, peguam terpelajar plaintif telah menarik perhatian mahkamah kepada perenggan 7 affidavit sokongan plaintif (kandungan 2) di mana plaintif menegaskan bahawa dia tidak tahu atau sedar yang dia perlu hadir di Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu pada 29 Oktober 2002 bagi maksud siasatan berkenaan. Penegasan plaintif ini telah dinafikan oleh pihak responden yang telah mengekshibitkan, dalam affidavit jawapannya (kandungan 6), notis-notis siasatan yang dikatakan telah diserahkan ke diri plaintif (lihat ekshibit "AMY1", "AMY2", "AMY3", "AMY4", dan "AMY5").

Bagaimanapun peguam terpelajar plaintif telah mempertikaikan penyerahan notis-notis siasatan tersebut, khususnya "AMY5". Menurut beliau jika dilihat pada bukti penyampaian "AMY5" tandatangan penerimanya adalah amat meragukan kerana plaintif tidak boleh membaca dan menulis dan hanya menurunkan cop jarinya pada affidavit-affidavit yang diikrarkannya dalam usul pemula ini. Beliau juga menegaskan bahawa Lot 588 sebagaimana tercatat pada bukti penyampaian tersebut juga tidak wujud kerana lot yang terlibat dengan permohonan itu adalah Lot 2587, GM264, Mukim Wakaf Stan.

Beliau juga merujuk kepada eks. "AMY6" dan menghujahkan bahawa tindakan responden mewartakan suatu serahan gantian di bawah s. 432(1)(a)(b) bagi maksud siasatan itu jelas membuktikan bahawa responden sendiri meragui penyerahan ke diri yang dikatakan dilaksanakan oleh responden. Tambah beliau penyerahan gantian itu juga tidak sempurna kerana tidak menepati s. 432(1)(a)

yang menghendaki supaya notis sedemikian diletakkan pada tempat yang mudah kelihatan di tempat-tempat yang dinyatakan dalam perenggan (a) s. 432(1) tersebut.

Selanjutnya peguam terpelajar itu menghujahkan bahawa pihak responden juga telah gagal mematuhi peruntukan s. 27(a) yang menghendaki Notis Borang 2A disiarkan sebelum siasatan yang dimaksudkan oleh notis tersebut diadakan. Menurut beliau penyiaran notis sedemikan hendaklah mengikut cara yang dinyatakan dalam s. 433 Kanun, iaitu, (a) dengan meletakkannya di tempat yang mudah kelihatan di tempat-tempat yang dinyatakan dalam para (a) seksyen tersebut; dan (b) dengan menyiarkannya dalam Warta. Beliau menegaskan responden telah tidak mematuhi kedua-danya.

Berkenaan dengan penyampaian notis siasatan tersebut, saya tidak nampak apa-apa sebab kenapa saya harus meragui tentang penyampaian notis itu ke diri plaintif. Afidavit jawapan responden jelas menunjukkan notis siasatan yang dimaksudkan itu telah berkali-kali disampaikan kepada plaintif (lihat eks. AMY1 hingga AMY5). Bukti penyampaian notis tersebut juga menunjukkan notis pertama (AMY1) dan ketiga (AMY3) telah diterima oleh isteri dan menantu plaintif masing-masingnya, manakala notis kedua (AMY2), keempat (AMY4) dan kelima (AMY5) telah diterima oleh plaintif sendiri. Adalah diperhatikan bahawa alamat bagi penyampaian kelima-lima notis tersebut adalah sama. Jika notis tersebut boleh diterima oleh isteri dan menantu plaintif tidak ada sebab kenapa saya harus meragui penyampaian notis tersebut kepada plaintif di alamat yang sama.

Walaupun plaintif tidak boleh membaca dan menulis tetapi pada pendapat saya tandatangan yang diturunkan oleh plaintif pada “Bukti Penyampaian” hanya merupakan satu ‘cakar ayam’ yang boleh dilakukan dengan mudah oleh seseorang yang tidak tahu menulis. Oleh itu pada pendapat saya fakta bahawa plaintif memilih untuk menurukan cop jarinya pada afidavit-afidavit yang berkenaan dan tidak menandatanganinya (seperti akuan penerimaan tersebut) tidak boleh dijadikan alasan bagi menafikan tandatangannya pada bukti penerimaan sedemikian. Plaintif hanya membuat penafian semata-mata tanpa memberi apa-apa alasan yang boleh diterima bagi menjelaskan kenapa notis tersebut tidak diserahkan kepadanya di alamat penyampaiannya.

Mengenai catatan Lot 588 pada ekshibit-ekshibit berkenaan sebagaimana yang dijadikan isu oleh peguam terpefajar plaintif, pertamanya saya ingin menegaskan bahawa isu ini tidak pernah ditimbulkan oleh plaintif dalam afidavit-afidavitnya untuk membolehkan pihak responden menjawabnya. Walau apa pun saya dapati ia tidak menimbulkan apa-apa syak dan kekeliruan kerana notis tersebut merujuk

kepada "Permohonan Mewujudkan Satu Hak Lalu Lalang (R.O.W) Atas Tanah Lot 588 (2587) Mukim Wakaf Stan, Daerah Kubang Kerian, Kota Bharu". Adalah diperhatikan bahawa suratan hakmilik yang diekshibitkan sebagai "MY1" afidavit pertama plaintif adalah suratan hakmilik baru yang dikeluarkan pada Ogos 1994 dan menurut plaintif tanahnya juga pernah diambil balik oleh Kerajaan.

Adalah juga diperhatikan tanah-tanah yang bersempadanan dengan Lot baru 2587 tersebut adalah Lot 589 dan 590. Oleh itu satu inferens boleh dibuat bahawa Lot 588 yang dirujuk demikian adalah lot asal bagi Lot baru 2587 sebelum pengambilan oleh Kerajaan. Saya juga berpendapat bahawa penyampaian ganti dalam eks. "AMY6" walaupun tidak memenuhi kehendak s. 432(1) Kanun tetapi tidaklah mentaksahkan penyampaian ke diri plaintif yang telah dilaksanakan dengan sempurnanya oleh responden.

Soal berikutnya ialah sama ada terdapat kegagalan di pihak responden untuk mengeluarkan Notis Borang 2A yang sempurna mengikut kehendak s. 27 Kanun. Peguam terpelajar plaintif menghujahkan terdapat kegagalan sedemikian yang menyebabkan siasatan bagi perwujudan hak lalu lalang tersebut tidak sah. Menurut beliau Notis Borang 2A berkenaan (eks. AMY5) adalah cacat atas dua sebab, pertamanya notis tersebut adalah mengelirukan kerana terdapat catatan "Serahan Gantian Di Bawah Seksyen 432(1)(a)(b)" pada notis tersebut, dan keduanya notis tambahan pada Borang 2A tersebut tidak lengkap kerana tidak ditarikh dan tidak ditandatangani oleh responden. Selain daripada itu peguam terpelajar itu selanjutnya menegaskan bahawa penyiaran Notis Borang 2A tersebut juga tidak menepati kehendak s. 433 Kanun.

Adalah diperhatikan bahawa isu-isu ini juga tidak pernah dibangkitkan dalam mana-mana afidavit plaintif untuk memberi peluang kepada responden menjawab penegasan tersebut. la boleh ditolak atas alasan ini sahaja. Walau apa pun pada pendapat saya ketinggalan-ketinggalan yang dibangkitkan oleh peguam terpelajar itu tidaklah mencacatkan notis tesebut. Jika dilihat Notis Tambahan tersebut dilampirkan bersama dan menjadi sebahagian daripada Notis Siasatan dalam Borang 2A yang telah ditarikh dan ditandatangani dengan sempurnanya oleh responden pertama. Oleh itu ketinggalan untuk meletakkan tarikh dan menandatangani Notis Tambahan itu sekali lagi pada pendapat saya tidak akan memprejudiskan pemohon atau menyebabkan ketidakadilan hingga boleh mentaksahkan keseluruhan Notis Borang 2A tersebut. Atas alasan yang sama saya juga berpendapat notis tersebut adalah tidak cacat hanya oleh sebab terdapatnya catatan serahan gantian pada notis itu.

Mengenai penyiaran Notis Borang 2A di bawah s. 27 Kanun, pada pendapat saya s. 433 Kanun adalah tidak terpakai bagi penyiaran sedemikian. Adalah jelas daripada peruntukan s. 433 tersebut bahawa seksyen itu hanya terpakai jika terdapat peruntukan nyata di bawah Kanun yang menghendaki sesuatu notis atau pemberitahuan itu disiarkan menurut seksyen itu. Bagaimanapun adalah jelas bahawa s. 27 tersebut memberikan kepada Pentabir Tanah budibicara untuk menyiarkan Notis Borang 2A tersebut mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut. Oleh itu saya dapati penyiarannya dalam Warta Kerajaan Negeri Kelantan sebagaimana eks. "AMY6" menepati kehendak seksyen itu. Saya juga berpendapat notis tersebut tidaklah cacat hanya oleh sebab ia mengandungi perkataan-perkataan "(Serahan Gantian di bawah Seksyen 432(1)(a)(b)" kerana tujuan dan maksud notis itu adalah jelas dan nyata dan tidak mengelirukan. Oleh itu saya dapati plaintif juga gagal atas alasan ini.

Seterusnya saya akan mempertimbangkan rayuan ini dari aspek meritnya. Peguam terpelajar plaintif pertamanya merujuk kepada nota keterangan Pentadbir Tanah di eks. "MY5" afidavit sokongannya dan menegaskan bahawa siasatan hanya dijalankan dalam kehadiran pemohon hak lalu lalang itu sahaja. Menurutnya responden pertama juga tidak pernah menjalankan apa-apa siasatan sama ada laluan lain boleh diwujudkan ke Lot 590 tersebut tetapi sebaliknya memilih untuk bergantung semata-mata kepada pelan cadangan yang disediakan oleh Unit Teknikal, Pejabat Tanah berkenaan. Beliau selanjutnya menegaskan bahawa sebahagian tanah plaintif telahpun diambil balik oleh Kerajaan untuk jalan utama dan plaintif sendiri telah secara sukarela menyerahkan bahagian lain tanah yang sama untuk laluan adat ke lot-lot lain yang bersempadanan dengan tanahnya. Selain itu katanya telah wujud banyak laluan masuk yang akan sampai ke Lot 590 tersebut (rujukan dibuat kepada eks. "C" afidavit jawapan plaintif).

Segala penegasan pihak plaintif telah disangkal oleh Peguam Persekutuan yang mewakili kedua-dua responden. Menurut beliau nota keterangan di MY5 jelas menunjukkan bahawa responden pertama telah mengambil kira semua keterangan yang berkaitan termasuk keterangan pemohon hak lalu lalang tersebut serta Unit Teknikal, Pejabat Tanah. Tambahnya responden pertama juga telah menimbangkan keperluan untuk mengadakan hak lalu lalang ke Lot 590 tersebut setelah mendapati tanah berkenaan tidak mempunyai akses lain ke terminal awam.

Kuasa bagi Pentadbir Tanah untuk mewujudkan suatu hak lalu lalang ke atas tanah bermilik diperuntukkan dengan nyata di bawah s. 388, iaitu bagi membolehkan seseorang pemilik tanah lain mendapatkan akses kepada terminal awam. Dalam mewujudkan hak lalu lalang sedemikan Pentadbir Tanah hendaklah menepati kehendak-kehendak yang telah ditetapkan oleh Kanun seperti

keperluan untuk mengadakan siasatan. Selain daripada itu dia hendaklah menjalankan kuasa budi bicaranya dengan berpatutan dan munasabah (lihat *Si Rusa Inn Sdn Bhd & Ors v. Collector of Land Revenue, Port Dickson & Ors* [1986] 1 CLJ 584; [1986] CLJ (Rep) 673). Dalam kes tersebut mahkamah telah memutuskan bahawa hak lalu lalang yang diwujudkan semata-mata untuk membolehkan pemohonnya untuk mendapatkan akses ke pantai adalah tidak berpatutan dan tidak terdapat hal keadaan yang luar biasa bagi perwujudannya.

Dalam mempertimbangkan sesuatu permohonan sedemikian satu daripada faktor utama yang harus diberi perhatian ialah sama ada atau tidak wujudnya laluan alternatif lain ke tanah yang berkenaan dengannya permohonan itu dibuat (lihat *Tong Tiong Lim v. Pentadbir Tanah Daerah, Johore Bharu* [1996] 1 CLJ 387, *Lye Thean Soo & Ors v. Syarikat Warsaw* [1990] 2 CLJ 743; [1990] 1 CLJ (Rep) 160).

Dalam kes sekarang ini saya berpuas hati bahawa notis siasatan yang berkaitan dengan permohonan hak lalu lalang berkenaan telah beberapa kali diserahkan ke diri plaintif tetapi beliau sengaja memilih untuk tidak hadir pada masa yang ditetapkan untuk siasatan. Oleh itu pada pendapat saya responden pertama tidak boleh dipersalahkan apabila meneruskan siasatan yang dimaksudkan tanpa kehadiran plaintif kerana sebagaimana yang dihujahkan oleh Peguam Persekutuan siasatan tersebut telah beberapa kali tertangguh atas ketidakhadiran plaintif.

Saya juga dapati bahawa hak lalu lalang tersebut tidak diwujudkan oleh responden pertama dengan sewenang-wenangnya. Ternyata pada saya beliau telah mengambil kira tiadanya laluan lain untuk keluar masuk ke Lot 590 tersebut sebelum membuat perintah yang dipersoalkan ini. Saya juga berpendapat bahawa penegasan oleh plaintif tentang terdapatnya laluan lain ke tanah berkenaan tidak disokong oleh apa-apa butiran matan malahan bercanggah dengan afidavitnya sendiri. Jika diperhatikan eks. "C" dalam afidavit keduanya hanya menunjukkan laluan alternatif yang dicadangkan olehnya dan bukannya laluan yang telah sedia ada. Walau apa pun perkara-perkara yang dibangkitan oleh peguam terpelajar plaintif di atas sepatutnya dibangkitkan semasa siasatan dijalankan untuk membantu responden pertama mencapai keputusannya. Pada pendapat saya adalah terlalu lewat untuk membangkitkannya di peringkat ini setelah suatu perintah dibuat dengan sah dan berpatutan berkenaan dengannya.

Saya juga berpendapat bahawa perintah yang dipersoalkan ini telah menepati kehendak s. 390(4) Kanun kerana hak lalu lalang tersebut boleh dikenal pasti dengan mudah melalui pelan yang disediakan bagi maksud itu dan dilampirkan bersama-sama perintah tersebut. Tujuan hak lalu lalang itu diwujudkan juga jelas, iaitu untuk membolehkan pemohon hak lalu lalang tersebut untuk keluar masuk ke tanahnya.

Setelah mengambil kira bahawa responden pertama telah memenuhi segala aspek prosedur yang dikehendaki di bawah Kanun, termasuk penyampaian notis siasatan dan penjalanan siasatan berhubungan dengannya, dan tiadanya akses lain ke tanah yang dimaksudkan itu, maka saya tidak nampak apa-apa sebab kenapa saya sepatutnya mengetepikan perintah yang dipersoalkan yang telah dibuat dengan sah dan berpatutan oleh responden pertama. Dengan yang demikian saya menolak permohonan/rayuan ini dengan kos.